

Pendekatan Tajdid Umar Bin Abdul Aziz Rah. Melalui Institusi al-Mazalim Dalam Menangani Isu Kezaliman Dan Penyelewengan

[The Approach of Tajdid's Umar bin Abdul Aziz Rah. Through the Institution of al-Mazalim in Dealing with the issues of Deviation and Misappropriation]

Hamidi Abdul Ghani¹, Abdul Azib Hussain² & Nurul Akma Mohamed²

¹ (Corresponding Author) Department of Syariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: al_humaidi011@yahoo.com

² Department of Syariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com

³ Department of Syariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ummuafif@gmail.com

ABSTRACT

The behaviors of deviation, misappropriation, and abuse of power are in direct opposition to the principles and teachings of Islam. Islam strictly prohibits the violation of justice and the betrayal of trust. Nevertheless, instances of deviation, misuse, and abuse of authority by governmental authorities persist. Consequently, the establishment of the al-Mazalim Institution occurred, with its primary objective being to eradicate the vicious actions perpetrated by government officials in power. In the annals of Islamic history, Caliph Umar bin Abdul Aziz Rah. stands out as a renowned figure who successfully eliminated the misconduct exhibited by government officials and reinstated the rights of the populace that had been unlawfully seized. This article aims to provide an overview of Umar bin Abdul Aziz Rah's Tajdid strategy through the al-Mazalim Institution. It will explore how this technique was utilized to enforce justice and prevent individuals from deviating from the government. This research employs a qualitative approach, explicitly using a bibliographic methodology combined with a descriptive content analysis technique. The research data was acquired from scholarly publications and academic books, with a particular emphasis on works about the biographical account of Umar bin Abdul Aziz. The study outcomes demonstrate that Umar bin Abdul Aziz effectively implemented eleven tajdid measures to promote justice and combat governmental corruption among officials. The tajdid method of Umar bin Abdul

Aziz should be reproduced by individuals in positions of authority to attain divine favor and promote the nation's welfare.

Keywords: *Tajdid Umar bin Abdul Aziz, Al-Mazalim Institution, justice, the cruelty of the government*

ABSTRAK

Kezaliman, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa adalah tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang menyuruh menegakkan keadilan dan menunaikan amanah. Namun kezaliman, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah masih berlaku. Justeru , diwujudkan Institusi al-Mazalim yang berperanan menghapuskan kemungkaran yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang memerintah. Sepanjang sejarah Islam, khalifah Umar bin Abdul Aziz Rah. merupakan khalifah yang paling terkenal membanteras kezaliman yang dilakukan oleh pegawai kerajaan dan mengembalikan semula hak rakyat yang dirampas. Artikel ini akan menghuraikan pendekatan tajdid Umar bin Abdul Aziz Rah. melalui Instituti al-Mazalim dalam menegakkan keadilan dan menghindari rakyat dari kezaliman pemerintah. Kajian ini berbentuk kualitatif jenis kepustakaan dengan gaya analisis kandungan secara deskriptif. Data-data kajian diperolehi dari artikel dan buku terutamanya buku yang berkaitan sejarah hidup Umar bin Abdul Aziz. Artikel menyimpulkan bahawa Umar bin Abdul Aziz telah berjaya menegakkan keadilan dan menghapuskan penyelewengan pegawai kerajaan dengan menggunakan sepuluh pendekatan tajdidnya. Lantaran itu, pendekatan tajdid Umar bin Abdul Aziz boleh dijadikan sebagai model yang wajar dicontohi oleh pihak yang berkuasa untuk mendapat keredhaan Allah dan kemakmuran negara.

Kata Kunci: Tajdid Umar bin Abdul Aziz, Institusi al-Mazalim, keadilan, kezaliman pemerintah

How to Cite:

Received : 19-08-2023

Hamidi Abdul Ghani, Abdul Azib Hussain, & Nurul Akma Mohamed. (2023). Pendekatan Tajdid Umar Bin Abdul Aziz Rah. Melalui Institusi al-Mazalim Dalam Menangani Isu Kezaliman Dan Penyelewengan. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 33-50

Accepted : 27-10-2023

Published : 28-11-2023

1. Pendahuluan

Al-mazalim berasal daripada perkataan Arab. Ia merupakan kata jama' dari *mazalimah*, iaitu nama bagi sesuatu yang diambil oleh orang zalim dari seseorang. (Ibn Manzur,t.th).

Al-Mawardi (1990) dan Abu Ya'la (1983) mendefinisikannya sebagai “Satu tindakan untuk memaksa orang yang berlaku zalim agar meninggalkan kezaliman dan menerima keinsafan dengan cara menakutkan mereka dan mencegah orang yang bertikai agar tidak meneruskan pertikaian dengan kehebatan kuasa yang menggerunkan.”

Definisi di atas agak sukar difahami kecuali selepas membaca keseluruhan Bab al-Mazalim dalam kedua-dua kitab karangan dua imam di atas. Namun begitu, dapat disimpulkan secara umum bahawa institusi al-Mazalim ialah satu jawatan kehakiman yang lebih luas dari jawatan hakim biasa. Ini kerana menurut Ibn Khaldun ia adalah gabungan dari pengaruh kekuasaan pemerintah (executive power) dan pengadilan kehakiman (judiciary power) (Ibn Khaldun, 1992).

Abdul Karim Zaidan (1989) mengatakan bahawa bidang tugas hakim al-Mazalim sangat luas mencakupi apa sahaja yang termasuk dalam tugas dan kuasa para hakim, pemerintah dan pegawai kerajaan.

Terdapat beberapa gelaran bagi orang yang menjalankan kuasa institusi al-Mazalim iaitu Wali al-Mazalim, Sahib al-Mazalim, Nazir al-Mazalim dan Qadhi atau Hakim al-Mazalim. Walaupun ia mempunyai beberapa nama, namun hanya seseorang yang dilantik sahaja memiliki kuasa untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku (Abdul Karim Zaidan, 1989).

Seterusnya, kedudukan institusi al-Mazalim ini mempunyai asas pensyariatan daripada al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Dalil pensyariatan Institusi Mazalim daripada al-Quran antaranya adalah seperti firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada kerabat, dan Dia melarang (melakukan) perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.(Al-Nahl, 16: 90).

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Terjemahan: Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil.

Sesungguhnya, Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sungguh, Allah Maha Mendengar, Maha Melihat.(An-Nisa', 4: 58).

أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ

Terjemahan: Bahawa lakinat Allah tertimpa ke atas orang-orang yang zalim.(Al-A'raf, 7: 44).

Ayat- ayat di atas dan banyak lagi ayat lain yang semakna dengannya menegaskan bahawa Allah memerintahkan supaya keadilan ditegakkan dan kezaliman dihapuskan.

Manakala dalil pensyariatan Institusi Mazalim daripada al-Sunnah adalah seperti sabda Nabi SAW:

يَا عَبَادِي إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَتْهُ مُحْرَماً بِيْنَكُمْ فَلَا تَظَالَّمُوا

Terjemahan: Wahai hamba-hambaku! Sesungguhnya aku telah mengharamkan kezaliman atas diriku dan aku menjadikannya sesuatu yang diharam sesama kamu, maka janganlah kamu saling zalim menzalimi.[*Sahih Muslim*, no hadis: 24]

Selain itu, hadis daripada al-Barra' bin 'Azib RA dia berkata: "Nabi SAW telah menyuruh kami melakukan tujuh perkara dan milarang kami dari melakukan tujuh perkara antara perkara yang disuruh ialah menolong orang yang kena zalim." [*Sahih al-Bukhari*, no hadis: 5312]

Rasulullah SAW juga bersabda:

أَفْضَلُ الْجَهَادِ كَلْمَةُ عَدْلٍ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَاهِزٍ وَأَمِيرٍ جَاهِزٍ

Terjemahan: "Jihad yang paling utama ialah menegakkan keadilan di depan pemerintah yang zalim". [*Sunan Abu Daud*, no hadis: 4344, Dinilai sahih oleh al-Albani].

Hadis-hadis di atas menjelaskan tentang kepentingan membantu orang yang kena zalim dan menegakkan keadilan di kalangan manusia.

Kemudian dalil pensyariatannya daripada ijmak ialah Institusi Mazalim merupakan salah satu dari bentuk kehakiman. Para fuqaha telah

bersepakat bahawa untuk menghukum sesama manusia, membantu orang kena zalim dan mengembalikan hak yang dirampas mestilah ditegakkan institusi al-Mazalim (Al-Kasani, t.th; Ibn Farhun, t.th; Khatib al-Syarbini, 1958 & Ibn Qudamah, t.th). Melalui institusi kehakiman ini, keadilan dan kebenaran dapat ditegakkan dalam masyarakat dan seterusnya melahirkan ketenangan, keamanan serta memperteguh hubungan masyarakat dan mendapat keredaan Allah (Mahmud Saedon A.Othman, 1998).

1.1 Sejarah Ringkas Institusi a-Mazalim

Pada permulaan Islam, Rasulullah SAW sendiri membicarakan kes mazalim. Baginda telah memutuskan kes punca air yang menjadi pertikaian di antara al-Zubair bin al-'Awwam dan seorang Ansar. Baginda juga telah menghantar 'Ali untuk membayar diyat orang yang dibunuhi oleh Khalid setelah penduduk kabilah Banu Jadhima tunduk kepada Islam dengan katanya, "Ya Allah! Aku memohon pelepasan di atas perbuatan Khalid".

Semasa pemerintahan empat khalifah, tiada seorang pun yang membawa kes ke hadapan Mahkamah Mazalim kerana orang ramai dipandu oleh keinsafan kepada kebenaran dan seruan dakwah telah menghalang mereka daripada melakukan sebarang kezaliman.

Tetapi Saiyidina Umar RA adalah seorang yang sangat tegas terhadap gabenor-gabenor dan selalu memberi peringatan kepada mereka. Ketegasan Umar dapat dilihat dalam pelbagai peristiwa kehakiman. Antaranya beliau telah menjatuhkan hukuman qisas terhadap Amru bin Al-As kerana menyebut, "wahai munafiq" terhadap seorang Arab di dalam masjid tetapi orang Arab tersebut memaafkannya dan beliau juga menjatuhkan hukuman qisas ke atas 'Amru kerana menghina seorang Mesir Qibli.

Ketika kelewatkan pelantikan Saiyidina Ali RA sebagai khalifah dan orang ramai telah bercampur aduk dan timbul penyelewangan, keadaan tersebut memerlukan kepada ketegasan politik, maka Saiyidina 'Ali RA orang yang pertama membicara mazalim orang ramai dan beliau tidak menetapkan hari tertentu untuk perbicaraan itu.

Apabila kezaliman menjadi ketara pada zaman kerajaan Umayyah, 'Abdul Malik bin Marwan menjadi orang pertama menetapkan satu hari khusus untuk meneliti kes-kes orang yang dizalimi.

Kemudian kejahatan gabenor dan kezaliman orang-orang yang sompong dan melampau bertambah menjadi-jadi serta tidak dapat menghentikan mereka kecuali menggunakan kuasa yang kuat dan perintah yang dilaksanakan dengan tegas. Oleh itu, Khalifah 'Umar bin

Abdul Aziz rahimahullah menjadi orang yang pertama mengendalikan sendiri Mahkamah Mazalim dan beliau dapat menolak penindasan, memelihara keadilan dan menghapuskan kezaliman Bani Umayyah.

Kemudian Mahkamah Mazalim dikendalikan oleh beberapa orang khalifah pada zaman Bani Abbasiyah. Khalifah pertama adalah al-Mahdi, seterusnya disusuli oleh al-Hadi, al-Rashid, al-Ma'mun dan yang terakhir al-Muhtadi. Ini dilakukan sehingga sesuatu pemilikan diserahkan kepada empunya. Begitulah penuhnya sistem mazalim dan terpisah daripada pengadilan biasa. (Wahbah al-Zuhaili, 2001).

2. Sorotan Kajian Lepas

Pelbagai karya sejarah yang berkait dengan Khalifah Umar bin Abdul Aziz baik disebut secara khusus atau pun secara umum telah dihasilkan. Di antaranya ialah karya yang berjudul *Malamih al-Inqilab al-Islamiyyah fi Khilafah Umar Abd Aziz*. Di dalam karya ini, pengarang memberi perhatian terhadap kepimpinan Umar bin Abdul Aziz. Karya al-Jawzi yang berjudul *Sirah wa Manaqib Umar bin Abd al-Aziz Khalifah Zahid* pula memberikan tumpuan utama terhadap kezuhudan yang dimiliki oleh Umar bin Abdul Aziz. Kebanyakan karya sirah ulama menyebut berkenaan latar belakang, pendidikan, keluarga, keperibadian dan kepimpinan Umar bin Abdul Aziz, antaranya ialah karya Ibn Sa'ad, al-Mas'udi, Ibn Athir, al-Tabari, al-Suyuti dan lain-lain (Norafifah Binti Ab Hamid, 2010).

Kemudian penyelidikan terdahulu seperti artikel yang bertajuk *Penghayatan Pemikiran Logik dalam Amalan Pentadbiran Islam di Zaman Pemerintahan Umar bin Abdul Aziz : Tinjauan dari sudut Relevansinya dalam Konteks Pemerkasaan Modul Insan di Malaysia* pula cuba membincangkan pemikiran logik Umar bin Abdul Aziz (Norafifah Binti Ab Hamid, 2010). Sementara kajian tesis yang dilakukan oleh Norafifah binti Ab Hamid (2010) berjudul *Budaya Berfikir Kritis : Kajian di Era Pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz (99-101H)* menekan aspek pemikiran kritis Umar bin Abdul Aziz.

Kajian Luqman Hakim Handoko dan Saim Kayadibi (2013) pula membahaskan tentang implementasi tata kelola yang baik pada masa pemerintahan Umar Abdul Aziz menurut perspektif moden dan siasah syar'iyyah. Semua kajian dan karya di atas tidak menyentuh tentang pendekatan tajdid Umar bin Abdul Aziz kecuali satu artikel yang bertajuk *Omar Ibn Abdul Aziz ,Khalifah Pemerintah Bani Umaiyyah yang bertaraf Mujadid: Analisa Peranan Tajdidnya* (Berahim, 2005). Karya ini memberi tumpuan kepada tajdid-tajdid yang dilakukan oleh Umar bin Abdul Aziz dalam pemerintahannya. Namun karya itu tidak

membincangkan secara terperinci tentang pendekatan tajdid Umar bin Abdul Aziz melalui Institusi Mazalim dalam menangani isu kezaliman dan penyelewengan pegawai kerajaan.

3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Sebelum Umar bin Abdul Aziz Rah. menjadi khalifah, kezaliman dan penyelewengan yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Bani Umayyah sangat meluas dan diketahui ramai. Kesungguhan beliau untuk menghapuskan kezaliman dan penyelewangan itu sangat dikagumi yang menyebabkan cara pemerintahan beliau mirip seperti pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin yang empat iaitu Sayidina Abu Bakar, Sayidina Umar, Sayidina Uthman dan Sayidina Ali RA. Merujuk kajian tulisan moden tentang sejarah hidup beliau (Al-Ahl,1979; Faisal Zakaria, 1987 & Al-Nasryati, t.th) dapat dirumuskan beberapa pendekatan tajdid untuk menghapuskan kezaliman dan penyelewangan Bani Umayyah yang mencengkam hidup rakyat seperti dalam rajah berikut:

Rajah 1: Pendekatan Tajdid Umar bin Abdul Aziz untuk Menangani Kezaliman dan Penyelewengan

1. Menggalak dan membuka peluang yang luas kepada rakyat untuk membuat pengaduan berkaitan kezaliman pemerintah	2. Memulakan sesuatu tindakan membanteras kezaliman dengan diri sendiri dan keluarga terdekat
3. Mengembalikan harta rakyat yang diperolehi melalui kaedah yang salah.	4. Menghapuskan cacian terhadap sayyidina ali RA dalam khutbah jumaat
5. Mbenarkan semua orang Islam memasuki kawasan larangan rizab haiwan	6. Mempamerkan sikap berhati-hati dalam penggunaan harta kerajaan
7. Membela golongan "mawali" yang ditindas dengan memberi gaji dan menghapuskan bayaran jizyah daripada mereka	8. Mengembalikan hak kafir zimmi yang dirampas
9. Memilih calon pegawai kerajaan dari kalangan orang yang soleh dan memecat yang terlibat dengan kezaliman	10. Menghapuskan cukai yang membebankan rakyat

(Sumber: Penyelidikan, 2023)

Huraian dan perbincangan terhadap rajah 1 di atas adalah seperti di bawah:

3.1 Menggalak Dan Membuka Peluang Yang Luas Kepada Rakyat Untuk Membuat Pengaduan Berkaitan Kezaliman Pemerintah

Umar Rah. telah membuka peluang yang luas kepada rakyat yang dizalimi untuk berjumpa dengannya tanpa perlu kepada protokol yang menyulitkan rakyat dan tanpa perlu membuat temu janj untuk berjumpa dengannya (Abd. Al-Hakam, 1984).

Peluang yang diberikan oleh Umar ini telah digunakan sepenuhnya oleh rakyatnya sehingga mereka berani mengadukan kezaliman keluarga Umar kepadanya (Abd. Al-Hakam, 1984). Mereka tahu bahawa khalifah akan mengambil tindakan menghapus kezaliman tanpa mengenal siapa yang melakukan kezaliman. Jelas unsur kronisme tidak ada pada diri khalifah Umar Rah .

Di samping peluang membuat pengaduan seluas-luasnya, rakyat yang tampil membantunya menegakkan keadilan dalam agama dan menghapuskan kezaliman diberi tawaran hadiah kewangan. Hadiah yang diberikan adalah antara 100 dinar sehingga 300 dinar, mengikut kadar biaya yang dikeluarkan terhadap jarak perjalanan. Hal ini dibuktikan dalam isi surat Umar Rah. kepada semua orang yang melakukan ibadat di musim haji (Abd. Al-Hakam, 1984).

3.2 Memulakan Sesuatu Tindakan Membanteras Kezaliman Dengan Diri Sendiri Dan Keluarga Terdekat

Kepimpinan melalui teladan adalah satu slogan yang dapat mewujudkan negara yang sejahtera. Apabila pemimpin melakukan sesuatu perkara, rakyat akan memerhati dan cuba untuk menurutinya. Khalifah Umar, adalah seorang yang tegas dalam mengembalikan harta rakyat yang dirampas oleh pemerintah terdahulu. Oleh kerana cerita kezaliman pemerintah terdahulu tersebar luas menyebabkan hati Umar timbul kesangsian terhadap harta yang diterimanya adakah halal, haram atau syubhat. Untuk menghilangkan keraguan itu, beliau telah memulakan tindakan membanteras kezaliman dengan dirinya sendiri dengan cara memulangkan segala tanah, harta sehinggalah kepada cincin yang bermata permata yang pernah dimilikinya hasil pemberian khalifah terdahulu. Umar berkata yang maksudnya: "Cincin itu adalah pemberian Al-Walid Ibn Abdul Malik (khalifah terdahulu) yang berasal dari negara Al-Maghrib (Ibn Saad, t.th).

Semasa mula menjadi khalifah, Umar telah menjual hamba, pakaian, wangian dan segala kemewahannya yang tidak diperlukan dengan memperolehi harga 23,000.00 dinar dan menderma semuanya di jalan Allah (Ibn Saad, t.th).

Sementara tanah-tanah yang diterimanya sebagai pemberian khalifah terdahulu telah dikembalikan kepada milik asal. Antara tanah yang dikembalikan ialah Jabalal Waras di Yaman, di Al-Yamamah, di Fadak dan di Khaibar. Umar berkata maksudnya: "Semua hartaku telah ku masukkan ke dalam harta kaum muslimin kecuali harta yang ada di Suwaida (Abd. Al-Hakam, 1984)".

Harta yang ada di Suwaida ialah harta yang dimilikinya sendiri hasil dari pengembangan gajinya. Tanah tersebut telah mendatangkan hasil sebanyak 200 dinar (Abd. Al-Hakam, 1984). Umar Rah. tidak mengembalikan tanah Suwaida kerana tanah itu bukan pemberian khalifah terdahulu malah tanah itu adalah hasil usahanya sendiri.

Setelah Umar Rah. mengembalikan semua harta yang dirasakan bukan miliknya yang sebenar, beliau mula bertindak membanteras kezaliman yang berada di kalangan keluarganya yang terdekat iaitu mengembalikan perhiasan isterinya Fatimah binti Abdul Malek ke dalam Baitul Mal. Perhiasan atau batu permata isterinya itu adalah pemberian Abdul Malik bin Marwan (khalifah terdahulu) yang diragui kesucian pemilikannya. Umar Rah. berkata maksudnya: "Pilihlah olehmu wahai Fatimah sama ada engkau kembalikan perhiasanmu itu ke Baitul Mal atau aku menceraikan engkau (dengan keredhaan engkau) kerana aku tidak suka aku, engkau dan perhiasan itu berada di dalam satu rumah (Ibn al-Jauzi, 1984).

3.3 Mengembalikan Harta Rakyat yang Diperolehi Melalui Kaedah yang Salah

Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mula melaksanakan tugas sebagai pemegang Institusi al-Mazalim sebaik sahaja dilantik sebagai khalifah dengan mengembalikan kenderaan untuk khalifah baru yang belum pernah dinaiki sesiapapun ke Baitul Mal. Beliau memadai dengan menunggang keldai lamanya.

Sudah menjadi kebiasaan, jika khalifah meninggal dunia, pakaian yang telah dipakainya atau minyak wangi yang pernah disentuhnya menjadi milik anak-anaknya, sedangkan pakaian dan minyak wangi yang belum tersentuh menjadi hak milik khalifah selepasnya. Namun beliau telah mengubah perkara ini dengan memasukkan semuanya ke dalam Baitul Mal (Abd. Al-Hakam, 1984).

Kemudian dibawakan hamba-hamba perempuan ke hadapan Umar Rah.. Ketika Umar Rah. melihat mereka, dia terus menyiasat latar belakang dan mengetahui kedudukan yang sebenarnya. Umar terus memerintahkan supaya mengembalikan semuanya kepada keluarga asal dan dihantar pulang ke negeri masing-masing (Abd. Al-Hakam, 1984)."

Setelah pelantikannya itu, Umar Rah. menyendiri di rumahnya selama tiga hari. Para pemimpin Bani Marwan dan Bani Umayyah serta para pimpinan pasukan dan bangsa Arab menunggu di pintu rumahnya dan menanti apa yang akan diperintahkan Umar Rah. kepada mereka. Selepas tiga hari, dia menemui rakyat dan membawa mereka pada perundangan sehingga semua mengetahuinya. Umar Al mengembalikan harta-harta yang diambil secara zalim, menghidupkan kitab dan sunnah, menjalankan pemerintahan dengan adil, menolak dunia, hidup zuhud dan menumpukan sepenuh perhatian untuk menghidupkan perintah Allah (Abd. Al-Hakam, 1984).

Sebagai contoh ketegasan Umar dalam mengembalikan harta yang dirampas secara zalim yang dilakukan oleh pemerintah sebelumnya ialah dalam kes anak Al-Walid bin Abdul Malik yang bernama Rauh dengan pemilik-pemilik kedai di Kota Hams. Mereka telah mengadu perihal Rauh yang menguasai kedai-kedai di Hams yang asalnya adalah milik mereka. Kedai-kedai itu jatuh ke tangan Al-Walid kerana dirampas oleh Abdul Malik. Lalu diberikan kepada Al-Walid kemudiannya memberikan kepada anaknya Rauh. Umar Rah. telah memerintahkan supaya Rauh mengembalikan kedai-kedai itu kepada pemilik asalnya. Pada peringkat awal dia enggan kerana mendakwa ada surat pemilikan dari Al-Walid. Bukan sekadar enggan malah dia telah mengancam pemilik kedai itu sehingga memaksa pemilik kedai itu datang menemui Umar Rah. buat kali kedua.

Umar lantas berkata kepada Ka'ab bin Hamid, pengawalnya: "Wahai Ka'ah, pergilah berjumpa Rauh, jika dia menyerahkan kedai-kedai itu, itulah yang semestinya dia lakukan, tetapi jika dia membantah, bawa ke mari kepalanya," Apabila Rauh mendengar perintah Umar itu, nyaris gugur hati Rauh kerana ketakutan. Rauh lalu menyerahkan kembali kedai-kedai itu kepada pemilik asalnya (Abd. Al-Hakam, 1984).

3.4 Menghapuskan Cacian Terhadap Sayyidina Ali RA dalam Khutbah Jumaat

Menurut pandangan Umar Rah., kezaliman dan penyelewengan pemerintah terdahulu bukan dalam bentuk material sahaja malah ia meliputi bentuk mental juga. Antara penyelewengan bentuk itu ialah cacian terhadap Sayyidina Ali RA yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah Bani Umayyah dalam khutbah Jumaat mereka yang mula dilakukan pada tahun 41 hijrah. Orang yang memulakannya ialah Marwan bin Abdul al-Hakam, Gabenor Mu'awiyah di Madinah. Keadaan itu berterusan sehingga ke zaman pemerintahan Umar Rah. (Faisal Zakaria, 1987). Umar Rah. Tidak sampai hati, malah dia turut berdosa

mengutuk seorang pemimpin yang dicintai Allah dan RasulNya kalau dia membenarkan keadaan itu berterusan. Pada awal tahun 99 hijrah, Umar telah menghentikan penghinaan terhadap Sayidina Ali RA di atas mimbar-mimbar Jumaat dan menggantikannya dengan ayat Al-Quran yang berbunyi (Al-Nahl,16: 90):

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu untuk berlaku adil dan membuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman."

Selepas peristiwa itu, Sayidina Ali tidak lagi dikutuk sehingga ke hari ini. Para khatib berterusan membaca ayat tersebut. Umar juga telah mengeluarkan perintah kepada Gabenor-gabenornya di seluruh pelusuk untuk menghentikan kutukan terhadap Sayidina Ali RA di atas mimbar. Idea untuk menghapuskan cacian terhadap Sayidina Ali RA telah lama wujud dalam pemikiran Umar, sebelum menjadi khalifah lagi (Faisal Zakaria, 1987).

3.5 Mbenarkan Semua Orang Islam Memasuki Kawasan Larangan Rizab Haiwan

Antara penyelewengan pemerintah Bani Umayyah yang dibetulkan oleh Umar ialah larangan mereka terhadap kaum muslimin memasuki kawasan larangan rizab haiwan yang tidak diwujudkan oleh Rasulullah SAW (Faisal Zakaria, 1987).

Rasulullah SAW telah mewujudkan kawasan larangan di Madinah iaitu di Al-Naqi' sepanjang lebih kurang enam batu untuk dijadikan kawasan ragut bagi kuda-kuda orang Islam dari kalangan Ansar dan Muhajirin (Al-Mawardi, 1990)".

Tetapi Bani Umayyah telah menambah beberapa kawasan lain sebagai kawasan larangan rizab haiwan yang tidak diakui oleh para ulamak seperti disebut oleh Al-Mawardi: "Mengenai kawasan larangan rizab haiwan yang dilakukan oleh ketua negara selepas Rasulullah SAW, jika sekiranya mereka menjadikan seluruh kawasan tanah terbiar atau sebahagian besarnya sebagai kawasan larangan, maka yang demikian itu tidak harus. Begitu juga tidak harus bagi mereka menjadikan sebahagian

kecil darinya sebagai kawasan larangan untuk golongan tertentu atau golongan kaya sahaja (Al-Mawardi, 1990).

Menurut Ibn Saad (t.th) ketika Umar Rah. memegang tampuk pemerintahan, keadaan kawasan larangan di zaman Rasulullah SAW telah berubah, di mana golongan pembesar telah mengkhususkan kawasan larangan rizab haiwan kepada diri mereka sahaja dan menjadikannya kawasan larangan kepada golongan bawahan. Umar Rah. menganggap perbuatan ini adalah menzalimi orang Islam yang lain.

3.6 Mempamerkan Sikap Berhati-hati Dalam Penggunaan Harta Kerajaan

Untuk menjauhi penyelewengan dan salah guna kuasa pegawai kerajaan, khalifah Umar Rah. sangat menjaga harta Baitul Mal. Pernah dilaporkan bahawa duit dari Baitul Mal telah kehilangan di bawah jagaan Wahab bin Munabbih seorang faqih yang wara'. Umar Rah. telah menulis surat kepadanya yang beliau tidak menuduh buruk agama dan amanah Wahab tetapi yang dipertikaikan ialah kelalaian dan kecuaiannya. Kemudian Umar Rah. memerintahkan supaya Wahab membayar ganti wang yang hilang itu dengan duitnya sendiri (Ibn al-Jauzi & Al-Ahl, 1979).

Untuk menjadi contoh ikutan yang baik kepada seluruh pegawainya, beliau sangat berhati-hati dalam menggunakan harta milik kerajaan. Banyak riwayat yang mengisahkan betapa hebatnya kepimpinan, amanah dan wara' yang dimiliki oleh khalifah Umar Rah. dalam menjauhi dari menggunakan harta kerajaan untuk kepentingan sendiri.

Beliau tidak mahu mencium minyak wangi dari harta kerajaan. Begitu juga beliau enggan memanaskan air di dapur umum kecuali dengan membayar harganya (Abd. Al-Hakam, 1984). Umar Rah. Juga pernah memberi amaran untuk memecat Gabenor di Sina, Syam, Ma' di Karb yang menghantar banyak madu kegemarannya melalui permintaan isterinya Fatimah. Beliau telah menjual madu itu dan harganya dimasukkan ke dalam Baitul Mal (Ibn al-Jauzi, 1984).

Umar Rah. akan menggunakan harta kerajaan hanya untuk urusan rasmi negara atau untuk kepentingan kaum muslimin sahaja. Sementara untuk urusan peribadi, beliau akan menggunakan harta sendiri. Hal ini pernah berlaku ketika bicaranya bersama seorang utusan mengenai urusan negara. Apabila beliau ditanya mengenai perihal diri dan keluarganya, beliau lantas mematikan lilin yang cerah lalu menggantikan dengan lilinnya sendiri (Abd. Al-Hakam, 1984). Perbuatan membezakan penggunaan antara dua jenis harta itu sangat mengagumkan orang yang

melihatnya kerana perbuatan seperti itu belum dilakukan oleh pemerintah Bani Umayyah terdahulu.

3.7 Membela Golongan "Mawali" Yang Ditindas Dengan Memberi Gaji Dan Menghapuskan Bayaran Jizyah Daripada Mereka

Antara keadilan Umar Rah. ialah membela golongan "Mawali" yang tertindas semasa pemerintahan Bani Umayyah terdahulu. "Mawali" ialah sesiapa sahaja yang memeluk agama Islam di kalangan bukan Arab, sama ada mereka pada asalnya adalah rampasan perang yang dijadikan hamba kemudian dimerdekakan atau mereka terdiri dari penduduk negeri yang baru memeluk Islam yang memberi perkhidmatan kepada orang Arab atau mengadakan perjanjian setia dengan orang Arab (Faisal Zakaria, 1987).

Golongan "Mawali" telah wujud sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi. Mereka telah menikmati kehidupan yang penuh dengan keadilan dan persamaan tanpa pengurangan hak mereka sama ada kewangan atau sosial. Di dalam ajaran Islam tidak ada kelebihan orang Arab di atas orang yang bukan Arab. Kelebihan yang dinilai dalam masyarakat Islam ialah kelebihan siapa yang paling bertaqwa.

Ajaran itu telah diperaktikkan oleh Sayidina Abu Bakar RA yang membahagi harta yang diperolehi dari Bahrain secara sama rata kepada semua orang tanpa membezakan sama ada orang dewasa atau kanak-kanak, orang merdeka atau hamba dan orang lelaki atau orang perempuan. Begitu juga Umar bin al-Khattab RA telah memperuntukkan kewangan kepada orang Muhajirin dan Ansar beserta dengan Mawali mereka (Abu Yusuf, t.th).

Namun ada dalam kalangan gabenorinya yang cuba merosakkan asas persamaan ini dengan melebihkan golongan Arab di atas "Mawali" mereka. Hanya orang Arab sahaja yang diberi peruntukan kewangan. Sayidina Umar RA telah menulis surat kepadanya dengan peringatan "Memadailah seseorang itu dianggap melakukan kejahanan dengan sebab dia menghina saudaranya seislam (Abu Ubaid, 1987)".

Namun keadaan ini telah berubah di awal pemerintahan Bani Umayyah bermula di zaman Muawiyah RA lagi yang menghalang memberi peruntukan kewangan kepada segolongan masyarakat. Tidak terdapat sebarang kenyataan dalam Islam yang mengharuskan kezaliman di atas perbezaan kaum atau agama (Abdul Ghani, Hamidi dan Mohamed, Nurul Akma, 2009)".

Bukti yang menunjukkan golongan "Mawali" tidak diberi peruntukan kewangan dapat dilihat semasa al-Mukhtar al-Thaqafi memberontak menuntut bela atas kematian Sayidina al-Husin RA. Beliau

telah memanipulasikan isu itu untuk membangkitkan semangat "Mawali" menyertai pemberontakan melawan golongan Bani Umayyah (Al-Tabari, 1971)".

Isu tidak menerima peruntukan kewangan dan gaji kerana perkhidmatan berterusan sehingga ke zaman Khalifah Umar Rah. di mana Soleh bin Thorif telah menemui beliau dan mengadukan tentang nasib 20 000 golongan "Mawali" yang menyertai perperangan tanpa apa-apa imbuhan (Al-Tabari, 1971).

Umar Rah. telah menulis surat kepada Gabenor di Khurasan untuk memberi peruntukan kewangan kepada golongan "Mawali" itu. Selepas itu Umar Rah. mewujudkan peraturan yang menyamakan golongan Arab dan "Mawali" dalam semua perkara (Ibn Saad, t.th).

Penindasan lain yang dikenakan ke atas golongan "Mawali" ialah mereka dipaksa membayar jizyah walaupun mereka telah memeluk Islam. Ini disebabkan pemerintah pada masa itu merasakan sumber kewangan negara semakin kurang disebabkan ramai orang yang masuk Islam dan tidak perlu membayar jizyah. Apabila Umar Rah. mengetahui keadaan ini, beliau telah menghapuskan perbuatan yang jelas bertentangan dengan syara' itu dan mengeluarkan surat arahan penghapusan kepada semua gabenor (Al-Tabari, 1971)".

3.8 Mengembalikan Hak Kafir Zimmi Yang Dirampas

Keadilan Khalifah Umar Rah. sangat terserlah bukan sahaja di kalangan orang Islam malah meliputi orang bukan Islam juga. Beliau melayan non Muslim dengan perasaan kasih sayang dan penuh penghormatan dan bukan dengan anggapan bahawa mereka orang yang tidak amanah seperti yang dilakukan oleh al-Hajaj. Malah pemikiran Umar Rah. ini dipraktikkan oleh pengawalnya tanpa meminta izin daripadanya. Suatu hari Umar Rah. telah mencari pengawalnya Amru bin Muhajir tetapi dia tidak menemuinya sehingga pengawalnya itu datang yang memberitahu bahawa dia keluar untuk mengembalikan hak ahl al-kitab yang dirampas (Al-Ahl, 1979).

Sebelum dari Umar Rah. menjadi khalifah, khalifah-khalifah terdahulu telah menaikkan cukai jizyah ke atas ahl al-zimmah tidak seperti di zaman Rasulullah SAW dan Khulafa al-Rasyidin RA. Umar Rah. telah menghapuskan penyelewengan tersebut. Beliau bukan tidak menaikkan cukai jizyah, malah sangat bertolak ansur terhadap ahl al-zimmah sahaja yang tidak mampu membayar jizyah kerana sangat tua, lemah tubuh badan dan tidak mempunyai pekerjaan dengan mengarahkan gabenor memberi peruntukan kewangan dari baitulmal untuk membantunya (Abu Ubaid, 1987)".

Golongan perempuan ahl al-zimmah di Selatan Afrika telah dijadikan hamba sebelum pelantikan Umar Rah. sebagai khalifah. Apabila beliau dilantik sebagai Khalifah, penganiayaan ini telah dihentikannya (Abu Ubaid, 1987).

Selain dari itu Umar Rah. telah mengembali semua tanah, gereja dan rumah yang dirampas oleh golongan bangsawan Bani Umayyah kepada ahl al-zimmah seperti yang disebutkan oleh Ibn Al-Jauzi bahawa seorang kafir zimmi dari penduduk Hams yang berambut dan berjanggut putih telah mengadu kezaliman yang dilakukan oleh al-Abbas bin al-Walid bin Abdul Malik (anak sepupu Umar Rah.). Al-Abbas telah merampas tanah milik kafir zimmi itu. Setelah berlangsung perbicaraan, maka Umar Rah. mendapatkan al-Abbas bersalah dan diperintah supaya menyerahkan kembali tanah tersebut. Keputusan Umar Rah. itu diterima dengan baik oleh al-Abbas dengan penyerahan hak milik tanah kepada kafir zimmi itu (Ibn al-Jauzi, 1984).

3.9 Memilih Calon Pegawai Kerajaan Dari kalangan Orang Yang Soleh Dan Memecat Yang terlibat Dengan Kezaliman

Kebiasaan khalifah dahulu melantik pengawal dari kalangan orang yang bengis lagi berhati keras yang tidak akan menjaga kehormatan orang yang lemah atau mendengar jeritan orang yang dizalimi. Namun Umar Rah. telah menggantikan pegawai kerajaan yang akan membantunya dalam pemerintahan dari kalangan orang-orang yang mempunyai kecerdikan yang tinggi, keazaman yang kuat dan orang yang adil dan suka kepada kebaikan.

Pada hari pelantikan beliau sebagai khalifah, pengawal khalifah dahulu iaitu Khalid bin Al-Rayyan yang telah dikenal pasti bersifat keras telah datang menemuinya untuk bertugas sebagai pengawal tetapi Umar Rah. telah memecatnya. Sebagai ganti Khalid, beliau telah melantik Amru bin Muhajir Al-Ansori seorang yang soleh (Al-Nasyrati, t.th).

Sebelum seseorang itu dilantik sebagai pegawai kerajaan, dia akan diuji sejauh mana kesolehan yang ada pada dirinya. Sebagaimana ujian yang dilakukan oleh Umar Rah. terhadap Bilal bin Abi Bardah. Walaupun beliau mempamerkan sifat kesolehan dan ketakwaan, namun hatinya masih tidak bertakwa. Setelah mengetahui hakikat diri Bilal yang sebenar, Umar Rah. membatalkan hasratnya untuk melantik Bilal sebagai pegawai di Iraq (Al-Nasyrati, t.th).

Antara perkara pertama yang dilakukan oleh Umar Rah. ketika menjadi khalifah ialah memecat Yazid bin Abi Muslim dari Afrika. Yazid selalu memperlihatkan sikap bengis dan keras berlebihan terhadap semua perintah Sultan. Dia membuat roda pemerintahan dipenuhi

kezaliman dan menyimpang dari kebenaran. Pegawai kerajaan yang lain yang turut dipecat ialah Usamah bin Zaid al-Tanukhi yang memegang bahagian cukai di Mesir. Usamah adalah seorang yang jahat, zalim dan sesuka hati menghukum rakyat tanpa mentaati hukum yang diturunkan Allah (Abd. Al-Hakam, 1984).

Selain dari kedua pegawai tadi, Umar Rah. juga telah memecat Yazid bin al-Mahlab dan Soleh bin Abdul Rahman di Iraq dan al-Harith bin Abdul Rahman al-Thaqafi di Andalus. Ada di kalangan pegawai-pegawai yang dipecat itu membuat rayuan agar diberi jawatan semula kerana mereka pernah bekerja bersama al-Hajjaj hanya sekejap sahaja. Umar Rah. dengan tegas menjawab: "Memadailah engkau menjadi jahat dengan persahabatan engkau dengan orang jahat sehari atau setengah hari sahaja (Al-Ahl, 1979)".

Benarlah seperti dikatakan Thawus bin Kaisan kepada Umar rahimahullah: "Jika engkau inginkan semua urusanmu menjadi baik lantiklah orang-orang baik sebagai pekerjamu (Al-Nasyrati, t.th)". Justeru semua gabenor dan hakim yang dilantik Umar Rah. adalah terdiri daripada kalangan orang yang terkenal dengan keadilan, keilmuan dan kebaikan seperti 'Adi bin Arthah di Basrah yang dibantu oleh hakim Iyas bin Muawiyah, Abdul Hamid bin Abdul Rahman di Kufah dibantu oleh hakim Amir bin Syarabil Al-Sya'bi, Urwah bin Muhammad di Yaman dibantu oleh Wahab bin Munabbih sebagai hakim dan penjaga Baitul mal (Al-Nasyrati, t.th)".

3.10 Menghapuskan Cukai Yang Membebankan Rakyat

Antara penganiayaan pemerintah dahulu ke atas rakyat ialah mengenakan berbagai cukai dan bayaran yang membebankan rakyat termasuk cukai pendapatan. Umar Rah. telah menghantar surat kepada semua gabenorinya dengan mengarahkan mereka supaya menghapuskan pelbagai jenis cukai seperti cukai pesta Nairuz dan Mahrajan, harga kertas, gaji tentera pembuka hadiah para utusan, gaji para buruh dan gaji para pegawai (Abd. Al-Hakam, 1984).

Terdapat banyak rumah yang didirikan untuk menyimpan cukai-cukai tersebut. Antaranya di "Rafh". Umar Rah. telah memerintahkan gabenorinya di Palestin yang bernama Abdullah bin 'Auf meruntuhkan rumah itu (Abu Ubaid, 1987).

Kebiasaan yang berlaku pada zaman pemerintah Bani Umayyah sebelum Umar Rah. ialah mengenakan cukai kepada setiap orang yang melalui salah satu dari sempadan yang ada dalam negara. Mungkin amalan ini sama dengan kutipan tol hari ini yang dikenakan ke atas setiap orang yang melalui lebuh raya. Menurut Ibn Saad (t.th), apabila Umar

Rah. dilantik menjadi khalifah, beliau telah menghapuskan cukai tersebut.

Pemerintah hari ini mungkin tidak sanggup untuk menghapuskan pelbagai jenis cukai yang membebankan rakyat seperti dilakukan oleh Umar Rah. kerana mereka menganggap cukai adalah sumber kewangan negara. Dengan cukai yang banyak, negara boleh dibangunkan dan kemakmuran rakyat dapat dicapai. Namun apa yang menarik, setelah pemerintah Umar Rah. menghapuskan pelbagai jenis cukai yang membebankan rakyat, kesejahteraan hidup rakyat berjaya dicapai.

Seorang pengurus zakat di Afrika yang terkenal dengan kemiskinan hari ini, tidak menemui orang fakir untuk diserahkan zakat pada zaman Umar sehingga beliau terpaksa membeli hamba untuk dimerdekakan. Itulah keberkatan yang Allah berikan kepada negara dan rakyat apabila keadilan ditegakkan dan kezaliman dihapuskan oleh pemimpin.

4. Kesimpulan

Perbincangan tadi menekankan peranan penting Institusi al-Mazalim atau Mahkamah al-Mazalim dalam menegakkan keadilan, menghapus kezaliman, dan memastikan ketiadaan penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa golongan yang berkuasa. Khalifah Umar bin Abdul Aziz Rah. diakui sebagai tokoh reformasi Islam pertama yang menghidupkan institusi ini sejak hari pertama beliau memegang jawatan, memainkan peranan penting dalam memerangi kezaliman, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa. Pendekatan tajidinya diterima baik oleh rakyat namun ditentang oleh golongan atasan. Keadilan dan kemakmuran yang dibawa oleh pemerintahannya dirasai tidak hanya oleh rakyat tetapi juga oleh seluruh kehidupan. Kewafatan Umar bin Abdul Aziz Rah. menjadi penanda perubahan dalam masyarakat. Kejujuran dan kepemimpinan beliau menjadi contoh yang patut dijadikan teladan untuk pemimpin masa depan dalam menjaga keadilan dan keamanan.

Rujukan

- Abd. Al-Hakam, Abdullah (1984), *Sirah Umar Ibn Abdul Aziz*, Damsyiq, Alam al-Kutub.
- Abdul Ghani, Hamidi dan Mohamed, Nurul Akma. (2009). *Maqasid Syariah Dalam Pentadbiran Negara*, Kota Bharu, Kelantan.
- Abdul Karim Zaidan, (1989), *Nizam al-Qadha Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut Muassah al-Risalah.
- Abu Daud, (t.th), *Sunan Abu Daud*, Syria, Dar al-Hadis.
- Abu Ubaid, (1987), *al-Amwal*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Abu Ya'la, (1983), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiah.

- Abu Yusuf, (t.th), *al-Kharaj*, Beirut, Dar al-Ma'rif.
- Al- Bukhari, (1988), *Sahih al-Bukhari*, al-Kaherah, Dar al-Rayyan Lil Turath.
- Al-Ahl, Abdul Aziz Syed. (1979), *al-Khalifah al-Zahid Umar Ibn Abdul Aziz*, Beirut,
Dar al-Ilm Lilmalayiin.
- Al-Kasani, (t.th), *Bada'i' al-Sana 'i' fi tartib al-Syara'i'*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al- Mawardi, (1990), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Beirut, al-Kitab al-Arab.
- Al-Tabari, (1971), *Tarikh al-Tabari*, Mesir, Dar al-Ma'rifat.
- Berahim, Ahmad Zaki. (2005). Omar Ibn Abdul Aziz ,Khalifah Pemerintah Bani
Umaiyyah yang bertaraf Mujadid : Analisa Peranan Tajidinya.*Jurnal Al-
Tamadun* Bil.1 2005, 91-136.
- Ibn al-Jauzi, (1984), *Sirah wa Manakib Umar bin Abdul Aziz*, Beirut, Dar al-Kutubal-
Ilmiah.
- Ibn Farhun, (t.th), *Tab sirah al-Hukkam*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Khaldun, (1992), *Muqaddimah Tarikh Ibn Khaldun*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Manzur, (t.th), *Lisan al-Arab*, Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Ibn Qudamah, (t.th), *al-Mughni*, Kaherah, Hajar li'lTiba'ah.
- Ibn Saad, (t.th), *al-Tabaqat al-Kubra*, al-Qahirah, al-Maktabah al-Qayyimah.
- Khatib al-Syarbini, (1958), *Mughni al-Muhtaj*, Mesir, Syarikat Maktabah wa Matbaah
Mustafa al-Babi al-Halbi wa Auladuh.
- Faisal Zakaria, Majidah (1987), *Umar Ibn Abdul Aziz wa Siyasatuhu fi Raddi al-
Mazalim*, Makah, Maktabah al-Tholib al-Jamaie.
- Luqman Hakim Handoko & Saim Kayadibi (2013). *The Implementation of Good
Governance in the Era of Caliphate Omar Ibn Abd al-Aziz (61H-101 H/717-
720 M)*. (2023). Uin-Suka.ac.id. [https://ejournal.uin-
suka.ac.id/febi/grieb/article/view/012-04/167](https://ejournal.uin-suka.ac.id/febi/grieb/article/view/012-04/167)
- Mahmud Saedon A.Othman. (1998). *Institusi Pentadbiran dan Kehakiman Islam*. Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, (1987), *Sahih Muslim*, al-Kaherah, Dar al-Rayyan Lil Turath.
- Al-Nasyrati, Hamzah. (t.th). *Khamis al-Khulafa' al-Rasyidin Umar Ibn Abdul Aziz*, Al-
Qahirah, Al-Maktabah al-Qayyimah.
- Noraffifah Binti Ab Hamid,(2010) *Budaya Berfikir Kritis : Kajian di Era
Pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz (99-101H*, Tesis Sarjana
Usuludin Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Wahbah al-Zuhaili, (2001), *Fiqh dan Perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.